

**URUSAN PENGAMBILAN DAN PENEMPATAN PEGAWAI PERUBATAN
(LANTIKAN BARU)**

DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1.	<u>Pengenalan</u>
2.	<u>Skim Perkhidmatan</u>
3.	<u>Kemudahan</u>
4.	<u>Peluang Kerjaya di KKM</u>
5.	Proses Pengambilan <ul style="list-style-type: none">- <u>Pelajar Lulusan Universiti Tempatan</u>- <u>Pelajar Lulusan Luar Negara</u>
6.	<u>Latihan Pegawai Perubatan</u>
7.	<u>Senarai Hospital Latihan Siswazah</u>

1. PENGENALAN

Pegawai Perubatan memainkan peranan penting dalam merancang, melaksana dan menilai semula aktiviti dan program berkaitan dengan kesihatan dan perubatan agar rakyat mempunyai kemudahan kesihatan yang berkesan, baik dan berkualiti. Peranan Pegawai Perubatan semakin penting dalam era pembangunan negara dan dunia hari ini apabila rakyat mula menyedari akan kepentingan penjagaan kesihatan dan isu berkenaan kesihatan sentiasa menjadi fokus utama kerajaan untuk memakmurkan negara. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerlukan lebih ramai Pegawai Perubatan yang kompeten, dinamik, sanggup menerima cabaran dan bersedia untuk berkhidmat kepada negara untuk menyertai sektor perkhidmatan awam. Pegawai Perubatan yang berdedikasi, komited dan amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab akan memastikan rakyat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, mudah capai, saksama dan bertaraf dunia.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Pegawai Perubatan bertanggungjawab dalam hal-hal berikut:

- i. Menjalankan tugas pencegahan penyakit dan rawatan perubatan kepada orang ramai yang memerlukan perkhidmatan kesihatan di hospital, klinik kesihatan dan institusi kesihatan di bawah seliaan KKM.
- ii. Menjalankan pemeriksaan ke atas ibu-ibu mengandung dan menyambut kelahiran bayi, melaksanakan diagnosis perubatan dan pembedahan, menjalankan *post-mortem*, mengurangkan beban kesihatan pesakit dan tugas lain yang menuntut profesionalisma seorang Pegawai Perubatan.
- iii. Terlibat dalam pembangunan kesihatan keluarga dan masyarakat di samping melaksanakan aktiviti pengawalan penyakit, pemantauan kesihatan dan menjadi anggota penting dalam program peningkatan kesejahteraan kesihatan rakyat.

- iv. Penyumbang kepada penghasilan sistem dan teknologi perubatan melalui hasil penyelidikan yang dijalankan di institusi penyelidikan KKM.

3. MAKLUMAT SKIM PERKHIDMATAN

A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan : Pegawai Perubatan
Gred : UD41
Kumpulan : Pengurusan dan Profesional
Kem./Jab. : Kementerian Kesihatan Malaysia
Jadual Gaji :
P1T1 RM1999.19 – P1T24 RM4723.81
P2T1 RM2095.20 – P1T24 RM5022.83
P3T1 RM2195.39 – P1T24 RM5317.92

Gaji Permulaan : RM2458.39 (P1T6)
Elaun Perumahan : RM250.00
ITKA* : RM300.00
Elaun Kritikal : RM750.00
Elaun COLA** : RM100.00 – RM300.00 (mengikut lokaliti)
Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*on call*) dan lain-lain.

* *Imbuhan Tetap Khidmat Awam*

** *Bantuan Sara Hidup*

B. KELAYAKAN

Calon bagi lantikan ke jawatan Pegawai Perubatan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- iii. Ijazah dalam Ilmu Perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); atau
- iv. Calon yang telah dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-Peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); dan
- v. Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

Calon juga boleh dilantik di atas gred jawatan yang lebih tinggi berdasarkan pengalaman kerja (*multiple entry*): UD43, UD47, UD51 dan UD53.

4. KEMUDAHAN DAN EMOLUMEN

A. GAJI DAN EMOLUMEN

Pegawai Perubatan boleh dilantik atas mana-mana gred sama ada UD41, UD43, UD47, UD51 atau UD53 berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang dilantik oleh mereka. Pegawai Perubatan yang dilantik akan menerima gaji pokok sebulan mengikut gred seperti berikut:

	Gred	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
i.	UD41	2,458.39 (P1T6)	5,317.92
ii.	UD43	3,028.90 (P1T1)	5,547.49
iii.	UD47	4,431.54 (P1T1)	6,439.46
iv.	UD51	4,992.31 (P1T1)	7,033.63
v.	UD53	5,258.09 (P1T1)	7,466.41

B. ELAUN / IMBUHAN TETAP

Selain gaji pokok di atas, semua Pegawai Perubatan di atas gred UD41 akan menerima imbuhan bulanan seperti berikut:

- i. Bayaran Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM300
- ii. Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan RM250
- iii. Bayaran Imbuhan Perkhidmatan Kritikal RM750

Bagi Pegawai Perubatan gred UD43/44, UD47/48, UD51/52 dan UD53/54, akan menerima imbuhan bulanan seperti berikut:

- i. Elaun Keraian atas kadar RM400 hingga RM800
- ii. Elaun Imbuhan Tetap Perumahan antara RM400 – RM1,900
- iii. Bayaran Imbuhan Perkhidmatan Kritikal atas kadar RM750

Pegawai Perubatan Gred JUSA / Khas C dan ke atas akan menerima imbuhan bulanan seperti berikut:

- i. Elaun Keraian antara RM2,500 hingga RM4,000.
- ii. Elaun Imbuhan Tetap Perumahan antara RM1300 hingga RM2,000
- iii. Bayaran Imbuhan Perkhidmatan Kritikal atas kadar RM750
- iv. Bayaran Jawatan Utama JUSA / Khas antara RM1000 hingga RM2,500.
- v. Bayaran Penyenggaraan Rumah pada kadar RM166.
- vi. Bayaran Pembantu Rumah pada kadar RM500.
- vii. Sebuah kereta rasmi dan kemudahan petrol.
- viii. Insentif Khas antara RM400 hingga RM1,250.

C. IMBUHAN / INSENTIF KHAS

Pegawai Perubatan yang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam juga akan menerima insentif mengikut gred dan jawatan selain daripada yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Insentif yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa atas kadar antara RM50 hingga RM170 sekali *on call*.
- ii. Bayaran Insentif Wilayah bagi Pegawai Perubatan di Sabah dan Sarawak atas kadar peratusan 12.5 hingga 25 peratus daripada gaji bulanan.
- iii. Bayaran Insentif Pedalaman bagi Pegawai Perubatan di Sabah dan Sarawak atas kadar 10 peratus daripada gaji bulanan.
- iv. Bayaran Klinik Selepas Waktu Pejabat atas kadar RM30 sejam.
- v. *Locum* (Berkuatkuasa mulai 1 Disember 2006)
- vi. Full Paying Patient (FPP).
- vii. Elaun Perudara (Sabah dan Sarawak) sebanyak RM30 sehari.

D. KEMUDAHAN LAIN

Pegawai Perubatan layak untuk menerima pelbagai kemudahan selama berkhidmat dalam perkhidmatan awam seperti berikut:

- i. Kemudahan perubatan percuma untuk pegawai dan keluarga serta ibu bapa
- ii. Kuarters
- iii. Pinjaman perumahan @ 4% faedah (RM120,000-RM200,000)
- iv. Pinjaman komputer (Maksimum RM5,000)

- v. Pinjaman kereta @ 4% faedah (RM27,000 – RM200,000)
- vi. Skim berpencen atau KWSP
- vii. Peluang melanjutkan pelajaran
- viii. Elaun dalam perkhidmatan
 - a. Elaun kerana bertugas
 - b. Elaun, kemudahan dan bayaran semasa bertukar atau berpindah rumah dalam negeri
 - c. Elaun kerana berkursus
 - d. Elaun bertugas di seberang laut
- ix. Kelayakan cuti
 - a. Cuti tahunan 25 - 30 hari setahun
 - b. Cuti separuh gaji
 - c. Cuti tanpa gaji
 - d. Cuti mengerjakan haji selama 40 hari
 - e. Cuti bersalin maksimum selama 90 hari
 - f. Cuti sakit dan cuti sakit lanjutan
 - g. Cuti kerana berkursus
 - h. Cuti tanpa rekod (perayaan, gantian, menghadiri peperiksaan dll.)
- x. Keahlian dalam kelab rekreasi
- xi. Kemudahan Pengurusan Jenazah Anggota sejumlah RM1,000
- xii. Elaun, bayaran dan kemudahan kerana menghadiri perbicaraan kes di mahkamah
- xiii. Ex - gratia

5. PELUANG KERJAYA DI KKM

A. JENIS PENGKHUSUSAN

Pegawai Perubatan di KKM berpeluang memajukan kerjayanya menjurus kepada 3 bidang utama iaitu:

i. Pegawai Perubatan Pakar Klinikal dalam pelbagai disiplin

Sebagai contoh kepakaran dalam perubatan keluarga, mata, radiologi, kardiologi, perubatan umum, bedah umum, ortopedik, perubatan sakit puan dan sebagainya. Pegawai Perubatan Pakar berkhidmat di hospital kecuali bagi Pakar Perubatan Keluarga, iaitu di klinik kesihatan serta Pakar Kesihatan Awam di Ibu Pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.

ii. Pegawai Perubatan Pentadbir

Pegawai Perubatan Pentadbir menjalankan tugas pentadbiran klinikal dan bertugas di Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.

iii. Pegawai Perubatan Klinikal

Pegawai Perubatan Klinikal merupakan Pegawai Perubatan yang tiada mempunyai kepakaran dan tugas utamanya adalah untuk merawat pesakit di klinik kesihatan dan hospital serta tidak menjalankan tugas pentadbiran.

Carta pengkhususan kemajuan kerjaya Pegawai Perubatan adalah seperti berikut:



B. PELUANG MENGIKUTI LATIHAN

Selaras dengan dasar KKM yang menggalakkan ‘learning organisation’, peningkatan kualiti perkhidmatan dan kompetensi kakitangan dan pegawai kesihatan, Pegawai Perubatan berpeluang mengikuti:

- i. Latihan dan kursus jangka pendek sama ada di dalam atau luar negara;
- ii. Penempatan sementara (attachment) di institusi perubatan antarabangsa; dan
- iii. Persidangan dan sebagainya sama ada di dalam atau luar negara.

Prosedur Permohonan

- i. Syarat asas untuk mengikuti Kursus Sarjana Kepakaran dan Sub-kepakaran tertakluk kepada:
 - a. Sah dalam perkhidmatan (1 hingga 3 tahun)
 - b. Prestasi yang memuaskan

- ii. Setelah menamatkan kepakaran asas dan latihan selama 6 bulan (universiti tempatan) atau 18 bulan (universiti luar negara) pegawai dikehendaki untuk memohon diwartakan sebagai seorang Pegawai Perubatan Pakar di KKM.
- iii. Tempoh ikatan / kontrak dengan Kerajaan bagi Kursus Sarjana Kepakaran adalah selama 7 tahun dan Sub-kepakaran adalah selama 2 tahun.

C. PELUANG KENAIKAN PANGKAT

Kerjaya Pegawai Perubatan di KKM menjanjikan peluang kerjaya yang baik. Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan dengan menyediakan pelan laluan kerjaya secara komprehensif dari gred lantikan hingga ke Gred 54 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Lampiran 5** untuk Laluan Kerjaya Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

**JADUAL LALUAN KERJAYA BAGI PEGAWAI PERUBATAN DI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN		CATATAN
	PERUBATAN		
41 - 44	2 tahun di Gred 41		Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN		CATATAN
	PAKAR	BUKAN PAKAR	
44 - 48	3 tahun di Gred 44 atau tarikh warta pakar, mana yang terdahulu	3 tahun di Gred 44	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
48 - 52	2 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal dan tertakluk kepada perkuan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	4 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
52 – 54	2 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal dan tertakluk kepada perkuan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	3 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	
Gred 54 ke Utama/ Khas ‘C’ dan ke atas	Berdasarkan kepada perkuan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	Tertakluk kepada kekosongan	
Tempoh Keseluruhan Untuk Berada di Gred 5 daripada Tarikh Lantikan	9 tahun	12 tahun	

6. PROSES PENGAMBILAN PEGAWAI PERUBATAN

Pengambilan Pegawai Perubatan ke dalam perkhidmatan awam dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) secara *"running exercise"* dan urusan ini melibatkan calon Pegawai Perubatan dari universiti tempatan dan universiti luar negara.

(a) Universiti Tempatan

Peringkat	Penerangan
Sebelum peperiksaan tahun akhir	<ol style="list-style-type: none">1. Mengisi Borang Pendaftaran Pekerjaan di Sektor Awam (SPA8i) secara atas talian (online) di laman sesawang http://www.spa.gov.my2. Melengkapkan Borang Maklumat Diri (BMD) yang boleh diperolehi dari laman sesawang KKM: http://www.moh.gov.my/forms3. Mengemukakan borang yang lengkap ke Unit Pengurusan & Profesional, Bahagian Sumber Manusia, KKM melalui:<ul style="list-style-type: none">• Pihak universiti• Serahan tangan• Secara pos4. Menghadiri temuduga yang telah ditetapkan oleh pihak SPA. (Pihak Universiti akan menghantar salinan keputusan peperiksaan akhir terus kepada pihak SPA)
Selepas peperiksaan tahun akhir	Membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Semakan mengenai urusan pendaftaran dengan MPM boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang http://www.mmc.gov.my

Peringkat	Penerangan
Setelah menerima surat tawaran dari SPA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melengkapkan dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama surat tawaran. 2. Mengesahkan kehadiran ke Kursus Induksi setelah menerima surat panggilan Kursus Induksi dari Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM. 3. Menghadiri Kursus Induksi mengikut ketetapan (tempoh dan tempat) yang telah disediakan oleh pihak BPL dan membawa bersama salinan Sijil Pendaftaran Sementara atau Surat Perakuan Pengesahan Pendaftaran Sementara dari MPM. 4. Menerima surat penempatan pada hari pertama Kursus Induksi .
Setelah menghadiri Kursus Induksi	Melapor diri kepada Ketua Jabatan seperti mana yang tertera dalam surat penempatan.

(b) Universiti Luar Negara

Peringkat	Penerangan
Setelah kembali ke Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengisi Borang Pendaftaran Pekerjaan di Sektor Awam (SPA8i) secara atas talian (<i>online</i>) di laman sesawang http://www.spa.gov.my 2. Melengkapkan Borang Maklumat Diri (BMD) yang boleh diperolehi dari laman sesawang KKM: http://www.moh.gov.my/form 3. Mengemukakan borang yang lengkap ke Unit Pengurusan & Profesional, Bahagian Sumber Manusia, KKM melalui: <ul style="list-style-type: none"> • Serahan tangan • Secara pos 4. Membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Pendaftaran Sementara / Penuh dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Semakan mengenai urusan pendaftaran dengan MPM boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang http://www.mmc.gov.my 5. Menghadiri temuduga <ul style="list-style-type: none"> • Ibu Pejabat SPA di Putrajaya bagi calon-calon dari Semenanjung Malaysia pada setiap hari Selasa (secara <i>walk-in</i>) • SPA Cawangan Sabah bagi calon-calon dari Sabah pada tarikh temuduga yang akan dimaklumkan oleh pihak SPA. • SPA Cawangan Sarawak bagi calon-calon dari Sarawak pada tarikh temuduga yang akan dimaklumkan

Peringkat	Penerangan
	<p>oleh pihak SPA.</p> <p>6. Dokumen yang perlu dibawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Salinan kad pengenalan ii) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) iii) Sijil Ijazah asal dan salinan iv) Transkrip asal dan salinan v) Sijil perakuan sementara (MMC)
Setelah menerima surat tawaran dari SPA	<p>1. Melengkapkan dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama surat tawaran.</p> <p>2. Mengesahkan kehadiran ke Kursus Induksi setelah menerima surat panggilan Kursus Induksi dari Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM.</p> <p>3. Menghadiri Kursus Induksi mengikut ketetapan (tempoh dan tempat) yang telah disediakan oleh pihak BPL dan membawa bersama salinan Sijil Pendaftaran Sementara atau Surat Perakuan Pengesahan Pendaftaran Sementara dari MPM.</p> <p>4. Menerima surat penempatan pada hari pertama Kursus Induksi.</p>
Setelah menghadiri Kursus Induksi	Melaporkan diri kepada Ketua Jabatan seperti mana yang tertera dalam surat penempatan.

7. LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Pegawai Perubatan perlu menjalani Latihan Siswazah selama dua (2) tahun atau tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM) di hospital Latihan Siswazah seliaan KKM atau Hospital Universiti yang menyediakan Latihan Siswazah*. Penempatan Latihan Siswazah akan ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

6 disiplin yang telah ditetapkan dalam Latihan Siswazah adalah seperti berikut:

- i. Perubatan
- ii. Bedah
- iii. Ortopedik
- iv. Pediatrik
- v. O&G
- vi. Perubatan Kecemasan

Tempoh penempatan di satu-satu disiplin adalah selama 4 bulan.

Penempatan di Jabatan Kecemasan dibuat pada tahun kedua latihan samada untuk penempatan terakhir atau yang kedua terakhir dan dijalankan secara ‘shift’.

Penempatan di unit Sub Kepakaran secara sepenuh masa adalah tidak dibenarkan melainkan untuk tujuan pendedahan.

Setiap pegawai hendaklah menyempurnakan tempoh perlanjutan yang ditetapkan dengan memuaskan (jika ada) sebelum dibenarkan untuk menjalani posting seterusnya.

Pertukaran hospital tidak dibenarkan pada tahun pertama.

Penempatan ke hospital lain di negeri yang sama boleh dilaksanakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri pada tahun kedua jika ada keperluan

dan ianya perlu dimaklumkan ke Bahagian Sumber Manusia untuk tujuan pemantauan.

Pegawai Perubatan perlu mengikuti Khidmat Wajib dengan kerajaan selama 2 tahun setelah mendapat Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh dari MPM.

Penempatan pegawai setelah tamat latihan siswazah bergantung kepada kepentingan perkhidmatan di mana-mana hospital, klinik kesihatan, ibu pejabat KKM atau mana-mana fasiliti kesihatan di bawah seliaan KKM berdasarkan keperluan dan kekosongan jawatan.



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Puncak E,
Pusat Perkudiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.

Tel : 603 - 88832545
Faks : 603 - 88895542
E-mail : ismailmetican@moh.gov.my

Rujukan Kami: Bil (8) dlm. KKM-114/109

Tarikh: 21 Disember 2007

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Semua Pengarah Hospital Yang Mengendalikan Latihan Pegawai Perubatan Siswazah.
Pengarah Hospital Universiti Malaysia
Pengarah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
Pengarah Hospital Universiti Sains Malaysia.

Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL: 11/2007
PELANJUTAN / PINDAAN TEMPOH LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN
SISWAZAH, DIBAWAH AKTA PERUBATAN 1971**

1. TUJUAN:

- 1.1. Surat Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pelaksanaan latihan Pegawai Perubatan Siswazah akibat pelanjutan tempoh latihan daripada satu tahun kepada dua tahun demi untuk mempastikan penghasilan pegawai perubatan yang berwibawa dan cekap.

2. LATARBELAKANG:

- 2.1. Walau pun graduan perubatan yang baru menamatkan pengajian di peringkat ijazah atas memiliki pengetahuan, namun tidak dapat dinasikkan, aspek keamahiran dan pengalaman klinikal mereka masih terhad.
- 2.2. Menyedari hakikat tersebut, suatu bentuk latihan telah diperuntukkan di bawah Akta Perubatan 1971 bertujuan untuk menghasilkan pegawai perubatan yang berwibawa, cekap dan selamat semasa menjalankan tugas di dalam profesyen perubatan yang tiada ruang bagi sebarang kesilapan dan kecuaian.
- 2.3. Berdasarkan peruntukan tertentu di bawah Akta Perubatan 1971, graduan perubatan diwajibkan menjalani latihan siswazah bagi suatu tempoh tidak kurang dari satu tahun sebelum layak dipertimbangkan untuk pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

- 2.4. Amalan semasa ialah setiap Pegawai Perubatan Siswazah perlu menjalani latihan siswazah untuk tempoh satu tahun di dalam tiga disiplin utama merangkumi perubatan (perubatan dasaman atau pediatrik), pembedahan (pembedahan am atau ortopedik) dan obstetrik dan ginekologi. Walaubagaimana pun dari laporan yang diterima tempoh latihan siswazah selama satu tahun didapati tidak mampu mencapai objektif latihan siswazah di dalam menghasilkan pegawai perubatan yang berwibawa dan cekap. Manakala pelaksanaan *obligatory posting* selama satu tahun selepas latihan siswazah berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4 Tahun 2002, dilaporkan dapat membantu pencapaian objektif latihan.

3. PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN:

- 3.1. Demi memperkasakan latihan Pegawai Perubatan Siswazah dan juga mempastikan objektifnya benar-benar tercapai, pada 21 November 2007, Jemaah Menteri memutuskan tempoh latihan Pegawai Perubatan Siswazah dilanjutkan dari satu tahun kepada dua tahun.
- 3.2. Semasa menjalani latihan siswazah di bawah tempoh dua tahun, setiap Pegawai Perubatan Siswazah perlu menjalani penempatan selama empat bulan di dalam semua disiplin yang berikut taitu:
 - a. Perubatan Dasaman
 - b. Pediatrik
 - c. Pembedahan Am
 - d. Otopedik
 - e. Obstetrik & Ginekologi, dan
 - f. Perubatan Kecemasan
- 3.3. Ekoran keperluan perkhidmatan yang kritikal di Jabatan Kecemasan, penempatan untuk Perubatan Kecemasan hanya boleh dilakukan pada penempatan (*posting*) yang terakhir sahaja. Walaubagaimana pun oleh kerana masalah kesesakan di Jabatan Kecemasan, penempatan bagi disiplin Perubatan Kecemasan boleh dilaksanakan pada penempatan yang kelima.

4. TINDAKAN

- 4.1. Pengarah Hospital perlu memastikan bahawa Pegawai Perubatan Siswazah tidak berpindah hospital semasa tahun pertama menjalani latihan. Jika ada keperluan selepas setahun, penempatan untuk disiplin seterusnya di hospital lain di dalam negeri yang sama boleh dilaksanakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan perlu memaklumkannya kepada Bahagian Sumber Manusia KKM untuk pemantauan.
- 4.2. Pengarah Hospital perlu memastikan setiap pegawai perubatan siswazah perlu menyempurnakan penempatan disetiap disiplin dengan jayanya dan mendapat perakuan pakar yang menyelia sebelum dibenarkan untuk meneruskan latihan ke disiplin berikutnya.

- 4.3. Sila ambil maklum bahawa penempatan dalam satu-satu disiplin tidak boleh melebihi satu tahun. Tempoh maksima latihan siswazah yang dibenarkan tidak melebihi empat tahun. Dalam keadaan di mana penempatan perlu diulang melebihi tempoh yang dibenarkan, sila rujuk kepada **Garispanduan Pelaksanaan Latihan Pegawai Perubatan Siswazah** bertarikh Disember 2007 yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan.
- 4.4. Pengarah hospital perlu memastikan Jawatankuasa Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah hospital berfungsi dengan baik, memainkan peranan dalam memastikan mutu mutu latihan Pegawai Perubatan Siswazah tercapai dan menyimpan 'database' pencapaian mereka.

5. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:

- 5.1. Program latihan lanjutan dari satu tahun kepada dua tahun ini terpakai kepada semua pegawai perubatan yang melapor diri untuk berkhidmat pada atau selepas 1 Januari 2008.
- 5.2. Dalam keadaan tertentu, permohonan kelonggaran pengurangan sebahagian atau keseluruhan latihan siswazah boleh dipertimbangkan. Semua permohonan kelonggaran pengecualian atau pengurangan dari menjalani latihan siswazah haruslah dikemukakan terus kepada Majlis Perubatan Malaysia.
- 5.3. Dengan pelaksanaan Surat Pekeling ini, Surat-surat Pekeling Ketua Pengarah Kesihatan berikut dibatalkan pemakaianya keatas pegawai perubatan yang terlibat dibawah Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah yang baru ini:
 - 5.3.1. Surat Pekeling KPK Bil. 1/2007 - Garis Panduan Pelaksanaan Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah
 - 5.3.2. Surat Pekeling KPK Bil. 4/2002 - Program Latihan Pegawai Perubatan Termasuk Pegawai Perubatan Siswazah; dan
 - 5.3.3. Surat Pekeling KPK Bil. 1/1996 - Pelaksanaan Latihan *Houseman*.

6. PERTANYAAN:

- 6.1. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeling ini boleh dirujuk kepada:

a. Pengarah,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E-1, Parcel E,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA.

No. Tel : 03 8883 1046
No. Fax : 03 8883 1427

b. Setiausaha,
Majlis Perubatan Malaysia,
Aras 2, Blok E-1, Parcel E,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA.

No. Tel : 03 8883 1400 atau 1410
No. Fax : 03 8883 1406

Sekian. Terima kasih.



TAN SRI DATUK DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

s.k. Ketua Setiausaha,

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan),

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan),

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN
PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH SELAMA DUA TAHUN**

Disediakan:

**Cawangan Perkembangan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DUA TAHUN LATIHAN PEGAWAI LATIHAN SISWAZAH

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan berhubung dengan pelaksanaan latihan pegawai perubatan siswazah selama dua tahun.

2. LATARBELAKANG

Dalam usaha memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai perubatan Jemaah Menteri telah memutuskan untuk melanjutkan latihan Pegawai Perubatan Siswazah selama dua tahun. Sehubungan dengan itu garispanduan pelaksanaan latihan pegawai perubatan siswazah yang sediada perlu di ubah selaras dengan perubahan dasar yang telah dibuat.

3. TINDAKAN PELAKSANAAN

3.1 PENEMPATAN

- a. Semua pegawai perubatan siswazah perlu menjalani penempatan dalam 6 disiplin yang telah ditetapkan iaitu:
 - i. Perubatan
 - ii. Bedah
 - iii. Ortopedik
 - iv. Pediatrik
 - v. O&G
 - vi. Perubatan Kecemasan
- b. Tempoh penempatan di satu-satu disiplin adalah selama 4 bulan.
- c. Penempatan di Jabatan Kecemasan hendaklah dibuat pada tahun kedua latihan samada untuk penempatan terakhir atau yang kedua terakhir dan dijalankan secara ‘shift’.
- d. Penempatan di unit Sub Kepakaran secara sepenuh masa adalah tidak dibenarkan melainkan untuk tujuan pendedahan.

- e. Setiap pegawai hendaklah menyempurnakan tempoh perlanjutan yang ditetapkan dengan memuaskan (jika ada) sebelum dibenarkan untuk menjalani posting seterusnya.
- f. Pertukaran hospital tidak dibenarkan pada tahun pertama. Penempatan ke hospital lain di negeri yang sama boleh dilaksanakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri pada tahun kedua jika ada keperluan dan ianya perlu dimaklumkan ke Bahagian Sumber Manusia untuk tujuan pemantauan.
- g. Penempatan di Hospital Universiti untuk Latihan Pegawai Perubatan Siswazah masih **dikekalkan** selama satu tahun. (**Pindaan – sila rujuk lampiran**)

3.2 JAWATANKUASA LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Setiap hospital perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah bagi memantau pelaksanaan program latihan ini. Keahlian dan terma rujukan adalah seperti berikut :

3.2.1 Keahlian

Pengerusi	--	Pengarah Hospital
Ahli-Ahli	--	Timbalan Pengarah Hospital (Perubatan) Ketua Jabatan Perubatan Ketua Jabatan Pediatrik Ketua Jabatan Surgeri Ketua Jabatan Ortopedik Ketua Jabatan O&G Ketua Jabatan Kecemasan
Sekretariat	--	Unit Sumber Manusia

Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

3.2.2 Terma Rujukan

- a. Memastikan pelaksanaan latihan pegawai perubatan siswazah di jabatan-jabatan yang berkenaan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- b. Membincangkan isu-isu berkaitan prestasi atau disiplin pegawai perubatan siswazah serta cara penyelesaiannya selain dari perlanjutan tempoh latihan.
- c. Memperakukan perlanjutan tempoh latihan bagi pegawai perubatan siswazah.
- d. Mengenal pasti isu-isu lain yang berkaitan dengan latihan pegawai perubatan siswazah.
- e. Mencadangkan penambahbaikan pelaksanaan program latihan ini.

3.2.3 Pegawai Penyelaras Di Setiap Jabatan

Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai perubatan pakar untuk menyelaras dan memantau pegawai perubatan siswazah di jabatan masing-masing.

3.2.4 Tanggungjawab Ketua Jabatan

- a. Melaksanakan program latihan pegawai perubatan siswazah berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan.
- b. Memastikan setiap pegawai perubatan siswazah yang menjalani latihan di jabatannya mendapat latihan seperti yang telah ditetapkan dalam buku log.
- c. Melantik seorang pegawai perubatan pakar sebagai pegawai penyelaras

3.3 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

- a. Pegawai penyelaras hendaklah memantau secara berkala latihan yang dijalani oleh setiap pegawai perubatan siswazah. Sekiranya didapati prestasi tidak memuaskan, pegawai perlu dimaklumkan secara lisan dan bertulis mengenai kelemahan-kelemahan yang perlu diatasi. Pegawai juga perlu dimaklumkan mengenai kemungkinan perlanjutan tempoh latihan sekiranya prestasi tidak ditingkatkan.

- b. Pegawai penyelaras perlu membuat penilaian **SATU BULAN** sebelum pegawai tamat latihan. Perbincangan perlu dibuat dengan Ketua Jabatan dan jika didapati prestasi pegawai masih belum memuaskan dan berpendapat pegawai perlu menjalani tempoh perlanjutan, maka perakuan hendaklah **dikemukakan kepada Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah Hospital berkenaan untuk kelulusan.** Perakuan hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan seperti di lampiran.

3.4 PERLANJUTAN TEMPOH LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

3.4.1 Perlanjutan tempoh latihan pegawai perubatan siswazah adalah sesuatu yang penting dan merupakan perkara serius yang tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenang tanpa sebab-sebab yang munasabah. Pada amnya perlanjutan tempoh latihan dibuat berdasarkan :

- a. Prestasi kerja yang tidak memuaskan meliputi :
 - Pengetahuan
 - Kemahiran menjalankan prosedur yang ditetapkan dalam buku log
 - Sikap
- b. Pengambilan cuti yang melebihi cuti yang dibenarkan.
 - Pegawai hanya dibenarkan mengambil cuti selama 10 hari (**termasuk cuti sakit**) dalam setiap disiplin penempatan.
- c. **Bagi pegawai yang tidak hadir bertugas melebihi 4 bulan secara berterusan dalam satu-satu disiplin penempatan (samada cuti/cuti sakit atau atas sebab-sebab lain), pegawai perlu mengulangi semula latihan di disiplin tersebut.**

3.4 PROSES PERLANJUTAN

- a. Sekiranya tempoh latihan pegawai perlu dilanjutkan, Perakuan dari Ketua Jabatan ke Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah perlu disertakan dengan huraian secara terperinci sebab-sebab tempoh latihan pegawai perlu dilanjutkan dan perlu disertakan dengan bukti-bukti yang berkaitan seperti buku log, surat amaran, sijil cuti sakit dan sebagainya.
- b. Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah di hospital tersebut perlu meneliti perkara ini dan sekiranya bersetuju dengan perlanjutan, kelulusan pelanjutan hendaklah dibuat dalam masa **2 minggu** sebelum tamat latihan dalam jabatan yang berkenaan.

- c. Tempoh maksima penempatan di dalam satu-satu disiplin adalah selama 1 tahun (12 bulan). Ini bermakna seorang pegawai perubatan siswazah yang telah menjalankan 4 bulan posting, **tempuh pelanjutan maksima penempatan yang dibenarkan dalam satu-satu disiplin adalah 8 bulan sahaja.**
- d. **Bagi perlanjutan yang melebihi 6 bulan**, Pengurus Jawatankuasa Latihan Siswazah hendaklah memaklumkan ke Bahagian Perkembangan Perubatan (Urusetia Lembaga Kelayakan Perubatan) berserta laporan lengkap dari Ketua Jabatan. Pegawai perlu di tempatkan di jabatan yang sama sehingga Lembaga Kelayakan Perubatan membuat keputusan.
- e. Jika pegawai mempunyai masalah kesihatan termasuk masalah psikiatri, lapuran dari pakar yang berkenaan perlu disertakan bersama dengan lapuran dar Ketua Jabatan.
- f. Sebarang rayuan mengenai pelanjutan dari pegawai hendaklah dikemukakan kepada **Ketua Pengarah Kesihatan** di Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.5 CUTI

- a. Pegawai Perubatan Siswazah merupakan seorang pegawai kerajaan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan layak menerima kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk kakitangan kerajaan mengikut perintah am dan pekeliling-pekeling yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.
- b. Walaupun mereka layak diberikan cuti selama 30 hari setahun, untuk memastikan pendedahan yang maksima didalam satu-satu disiplin, maka semasa penempatan disetiap disiplin, cuti yang dibenarkan diambil adalah selama 10 hari (**termasuk cuti sakit**). Mana-mana pegawai yang mengambil cuti melebihi cuti yang dibenarkan, mereka perlu dilanjutkan dalam disiplin berkenaan mengikut bilangan cuti yang terlebih ambil. Baki cuti rehat yang tidak diambil, ianya boleh dibawa kedepan;

Contoh:

Dr. A graduan perubatan dilantik oleh SPA sebagai pegawai perubatan. Beliau melapur diri di hospital Kuala Lumpur untuk menjalani latihan Pegawai Perubatan Siswazah dan di tempatkan di Jabatan Perubatan selama 4 bulan. Kelayakan cuti beliau adalah 30 hari setahun. Beliau telah mengambil cuti rehat selama 6 hari dan 10 hari cuti sakit semasa berada dalam disiplin perubatan. Beliau perlu dilanjutkan selama 6 hari dalam disiplin perubatan sebelum beliau boleh di tempatkan di disiplin yang berikutnya. Baki cuti tahunan beliau adalah 24 hari.

3.6 MASALAH TATATERTIB

Mana-mana Pegawai Perubatan Siswazah yang didapati terbabit dalam masalah tatatertib, proses tindakan tatatertib hendaklah dimulakan mengikut pekeliling-pekeliling dan peruntukan yang sedia ada.

4. PERTANYAAN;

Sebarang pertanyaan mengenai garispanduan ini boleh dirujuk kepada:

Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 6, Blok E-1, Parcel E,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.
Tel 03-88831104 , Fax: 03-88831105,
(Datin Dr. Rusnah/ Dr. Mohd Fikri /Dr. Sharifah Anisah)

BORANG PERAKUAN LANJUT TEMPOH LATIHAN

Pengarah
Hospital.....
Selaku Pengerusi
Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah

Tuan / Puan,

PERAKUAN PERLANJUTAN TEMPOH LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

1. PERAKUAN KETUA JABATAN

Nama Pegawai :

Jabatan/Unit :

Hospital :

Tarikh Penempatan :

Tarikh Tamat :

1.1. Sebab-Sebab Tempoh Latihan Perlu Dilanjutkan

- i) Prestasi Kerja meliputi kemahiran, pengetahuan & sikap (sila lampirkan huraian terperinci prestasi pegawai)
- ii) Cuti Sakit, Cuti Melebihi Bilangan Yang dibenarkan, Cuti Bersalin (sila sertakan sijil cuti sakit/surat-surat yang berkaitan)

Berdasarkan kepada sebab-sebab yang tersebut di atas, saya perakuan tempoh latihan bagi

Dr.....

dilanjutkan selama.....mulai dari tarikh penempatan sekarang tamat.

Tarikh : Nama, Cop & Tandatangan Ketua
Jabatan/Unit:


2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Perlanjutan tempoh latihan Dr.....


diluluskan/tidak diluluskan selama

Tarikh : Nama, Cop & Tandatangan Pengerusi Jawatankuas

Carta Aliran Pelaksanaan Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah



*PPS – Pegawai Perubatan Siswazah
LKP - Lembaga Kelayakan Perubatan



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel : 603 - 88832545
Faks : 603 - 88895542
E-mail: ismailmerican@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM 87/P2-1/14 Jsd. 1649
Tarikh : 21 Mac 2008

Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah Hospital Universiti Sains Malaysia

Y. Bhg. Dato'/Tuan

PENEMPATAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH DI HOSPITAL UNIVERSITI

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana yang telah di maklumkan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 11/2007 (dilampirkan) bahawa latihan Pegawai Perubatan Siswazah telah dilanjutkan kepada dua tahun. Berdasarkan maklumbalas yang diterima dan bagi melancarkan lagi urusan pentadbiran dan pemantauan mereka, Kementerian Kesihatan memutuskan supaya Pegawai Perubatan Siswazah yang di tempatkan di hospital universiti akan dikekalkan di hospital universiti tersebut sehingga mereka tamat latihan siswazah mereka dengan jayanya iaitu sekurang-kurangnya untuk tempoh dua tahun.

3. Sehubungan dengan itu, perkara 3.1 (g) dalam Garispanduan Pelaksanaan Pegawai Perubatan Siswazah Selama Dua Tahun yang diedarkan bersama dengan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 11/2007 tersebut yang menyatakan "penempatan di hospital universiti untuk latihan Pegawai Perubatan Siswazah selama satu tahun" dengan ini di batalkan.

4. Dikemukakan perkara ini untuk makluman dan tindakan Y. Bhg. Dato/Tuan selanjutnya

Sekian. Terima kasih

TAN SRI DATUK DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

8. SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH

<u>BIL</u>	<u>HOSPITAL / TEMPAT</u>
1.	Hospital Tunku Fauziah, Kangar
2.	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar
3.	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani
4.	Hospital Kulim, Kedah
5.	Hospital Pulau Pinang
6.	Hospital Seberang Jaya
7.	Hospital Taiping, Perak
8.	Hospital Raja Pemaisuri Bainun, Ipoh
9.	Hospital Teluk Intan
10.	Hospital Seri Manjung, Perak
11.	Hospital Tuanku Jaa'far, Seremban
12.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
13.	Hospital Melaka
14.	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar
15.	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
16.	Hospital Batu Pahat, Johor
17.	Hospital Sultan Ismail, Johor
18.	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan
19.	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh
20.	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
21.	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu
22.	Hospital Umum Sarawak, Kuching
23.	Hospital Sibu, Sarawak
24.	Hospital Miri, Sarawak
25.	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu
26.	Hospital Tawau, Sabah
27.	Hospital Duchess Of Kent, Sandakan, Sabah
28.	Hospital Kemaman, Terengganu
29.	* Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia(HUKM)
30.	* Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)

31. * **Hospital Univ. Sains Malaysia (HUSM)**
32. * **Hospital Putrajaya**
33. * **Hospital Kuala Lumpur**
34. * **Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang**
35. * **Hospital Selayang, Selangor**
36. * **Hospital Kajang, Selangor**
37. * **Hospital Serdang, Selangor**
38. * **Hospital Ampang, Selangor**
39. * **Hospital Sungai Buloh, Selangor**
40. Hospital Tanah Merah, Kelantan
41. Hospital Kuala Krai, Kelantan

* Semua Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di fasiliti yang bertanda (*) diwajibkan untuk memohon penempatan baru di luar negeri Selangor atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur setelah tamat latihan, kecuali PPS di HUSM yang boleh memohon penempatan di negeri-negeri tersebut.

URUSAN PENGAMBILAN DAN PENEMPATAN PEGAWAI PERUBATAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. PENGENALAN

Pegawai Perubatan memainkan peranan penting dalam merancang, melaksana dan menilai semula aktiviti dan program berkaitan dengan kesihatan dan perubatan agar rakyat mempunyai kemudahan kesihatan yang berkesan, baik dan berkualiti. Peranan Pegawai Perubatan semakin penting dalam era pembangunan negara dan dunia hari ini apabila rakyat mula menyedari akan kepentingan penjagaan kesihatan dan isu berkenaan kesihatan sentiasa menjadi fokus utama kerajaan untuk memakmurkan negara. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerlukan lebih ramai Pegawai Perubatan yang kompeten, dinamik, sanggup menerima cabaran dan bersedia untuk berkhidmat kepada negara untuk menyertai sektor perkhidmatan awam. Pegawai Perubatan yang berdedikasi, komited dan amanah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab akan memastikan rakyat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, mudah capai, saksama dan bertaraf dunia.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Pegawai Perubatan bertanggungjawab dalam hal-hal berikut:

- i. Menjalankan tugas pencegahan penyakit dan rawatan perubatan kepada orang ramai yang memerlukan perkhidmatan kesihatan di hospital, klinik kesihatan dan institusi kesihatan di bawah seliaan KKM.
- ii. Menjalankan pemeriksaan ke atas ibu-ibu mengandung dan menyambut kelahiran bayi, melaksanakan diagnosis perubatan dan pembedahan, menjalankan *post-mortem*, mengurangkan

beban kesihatan pesakit dan tugas lain yang menuntut profesionalisma seorang Pegawai Perubatan.

- iii. Terlibat dalam pembangunan kesihatan keluarga dan masyarakat di samping melaksanakan aktiviti pengawalan penyakit, pemantauan kesihatan dan menjadi anggota penting dalam program peningkatan kesejahteraan kesihatan rakyat.
- iv. Penyumbang kepada penghasilan sistem dan teknologi perubatan melalui hasil penyelidikan yang dijalankan di institusi penyelidikan KKM.

3. MAKLUMAT SKIM PERKHIDMATAN * Lihat Buku Skim

A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan : Pegawai Perubatan

Gred : UD41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Kem./Jab. : Kementerian Kesihatan Malaysia

Jadual Gaji :

P1T1 RM1999.19 – P1T24 RM4723.81

P2T1 RM2095.20 – P1T24 RM5022.83

P3T1 RM2195.39 – P1T24 RM5317.92

Gaji Permulaan : RM2458.39 (P1T6)

Elaun Perumahan : RM250.00

ITKA* : RM300.00

Elaun Kritikal : RM750.00

Elaun COLA** : RM100.00 – RM300.00 (mengikut lokaliti)

Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*on call*) dan lain-lain.

* Imbuhan Tetap Khidmat Awam

** Bantuan Sara Hidup

B. KELAYAKAN

Calon bagi lantikan ke jawatan Pegawai Perubatan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
- iii. Ijazah dalam Ilmu Perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); atau
- iv. Calon yang telah dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-Peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); dan
- v. Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

Calon juga boleh dilantik di atas gred jawatan yang lebih tinggi berdasarkan pengalaman kerja (*multiple entry*): UD43, UD47, UD51 dan UD53.

- 4. KEMUDAHAN * Bab 3 Buku Pembangunan Kerjaya**
- 5. PELUANG KERJAYA DI KKM * Bab 4 Buku Pembangunan Kerjaya**

6. PROSES PENGAMBILAN PEGAWAI PERUBATAN

Pengambilan Pegawai Perubatan ke dalam perkhidmatan awam dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) secara *"running exercise"* dan urusan ini melibatkan calon Pegawai Perubatan dari universiti tempatan dan universiti luar negara.

(a) Universiti Tempatan

Peringkat	Penerangan
Sebelum peperiksaan tahun akhir	<ol style="list-style-type: none">1. Mengisi Borang Pendaftaran Pekerjaan di Sektor Awam (SPA8i) secara atas talian (online) di laman sesawang http://www.spa.gov.my2. Melengkapkan Borang Maklumat Diri (BMD) yang boleh diperolehi dari laman sesawang KKM: http://www.moh.gov.my/forms3. Borang yang lengkap dikemukakan ke Unit Pengurusan & Profesional, Bahagian Sumber Manusia, KKM melalui:<ul style="list-style-type: none">• Pihak universiti• Serahan tangan• Secara pos4. Menghadiri temuduga yang telah ditetapkan oleh pihak SPA.
Selepas peperiksaan tahun akhir	Membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Semakan mengenai urusan pendaftaran dengan MPM boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang http://www.mmc.gov.my
Setelah menerima surat tawaran dari SPA	<ol style="list-style-type: none">1. Melengkapkan dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama surat tawaran.2. Mengesahkan kehadiran ke Kursus Induksi

Peringkat	Penerangan
	<p>setelah menerima surat panggilan Kursus Induksi dari Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM.</p> <p>3. Menghadiri Kursus Induksi mengikut ketetapan (tempoh dan tempat) yang telah disediakan oleh pihak BPL dan membawa bersama salinan Sijil Pendaftaran Sementara atau Surat Perakuan Pengesahan Pendaftaran Sementara dari MPM.</p> <p>4. Menerima surat penempatan pada hari pertama Kursus Induksi .</p>
Setelah menghadiri Kursus Induksi	Melapor diri kepada Ketua Jabatan seperti mana yang tertera dalam surat penempatan.

(b) Universiti Luar Negara

Peringkat	Penerangan
Setelah kembali ke Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengisi Borang Pendaftaran Pekerjaan di Sektor Awam (SPA8i) secara atas talian (online) di laman sesawang http://www.spa.gov.my 2. Calon-calon Semenanjung Malaysia akan ditemu duga di ibu pejabat SPA di Putrajaya pada setiap hari Selasa (secara walk-in) manakala calon-calon Sabah/Sarawak akan ditemu duga di pejabat SPA Cawangan Sabah atau SPA Cawangan Sarawak (mana yang berkaitan) pada tarikh-tarikh yang akan dimaklumkan oleh pihak SPA. 3. Melengkapkan Borang Maklumat Diri (BMD) yang boleh diperolehi dari laman sesawang KKM: http://www.moh.gov.my/form 4. Borang yang lengkap dikemukakan ke Unit Pengurusan & Profesional, Bahagian Sumber Manusia, KKM melalui: <ul style="list-style-type: none"> • Serahan tangan • Secara pos 5. Membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Pendaftaran Sementara / Penuh dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Semakan mengenai urusan pendaftaran dengan MPM boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang http://www.mmc.gov.my
Setelah menerima surat tawaran dari SPA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melengkapkan dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama surat tawaran. 2. Mengesahkan kehadiran ke Kursus Induksi setelah menerima surat panggilan Kursus

Peringkat	Penerangan
	<p>Induksi dari Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM.</p> <p>3. Menghadiri Kursus Induksi mengikut ketetapan (tempoh dan tempat) yang telah disediakan oleh pihak BPL dan membawa bersama salinan Sijil Pendaftaran Sementara atau Surat Perakuan Pengesahan Pendaftaran Sementara dari MPM.</p> <p>4. Menerima surat penempatan pada hari pertama Kursus Induksi .</p>
Setelah menghadiri Kursus Induksi	Melapor diri kepada Ketua Jabatan seperti mana yang tertera dalam surat penempatan.

7. LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Pegawai Perubatan yang tidak mendapat apa-apa pengecualian perlu menjalani Latihan SiswaZah selama dua (2) tahun atau tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM) di hospital Latihan SiswaZah seliaan KKM atau Hospital Universiti yang menyediakan Latihan SiswaZah*. Pegawai Perubatan perlu mengikuti Khidmat Wajib dengan kerajaan selama 2 tahun setelah mendapat Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh dari MPM. Penempatan pegawai setelah tamat latihan siswaZah bergantung kepada kepentingan perkhidmatan di mana-mana hospital, klinik kesihatan, ibu pejabat KKM atau mana-mana fasiliti kesihatan di bawah seliaan KKM berdasarkan keperluan dan kekosongan jawatan.

8. SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH

<u>BIL</u>	<u>HOSPITAL / TEMPAT</u>
1.	Hospital Tunku Fauziah, Kangar
2.	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar
3.	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani
4.	Hospital Kulim, Kedah
5.	Hospital Pulau Pinang
6.	Hospital Seberang Jaya
7.	Hospital Taiping, Perak
8.	Hospital Ipoh
9.	Hospital Teluk Intan
10.	Hospital Seri Manjung, Perak
11.	Hospital Tuanku Jaa'far, Seremban
12.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
13.	Hospital Melaka
14.	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar
15.	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
16.	Hospital Batu Pahat, Johor
17.	Hospital Sultan Ismail, Johor
18.	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan
19.	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah. Temerloh
20.	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
21.	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kb
22.	Hospital Umum Sarawak, Kuching
23.	Hospital Sibu, Sarawak
24.	Hospital Miri, Sarawak
25.	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu
26.	Hospital Tawau, Sabah
27.	Hospital Duchess Of Kent, Sandakan, Sabah
28.	Hospital Kemaman, Terengganu
29.	* Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia(HUKM)
30.	* Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)

31. * **Hospital Univ. Sains Malaysia (HUSM)**
32. * **Hospital Putrajaya**
33. * **Hospital Kuala Lumpur**
34. * **Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang**
35. * **Hospital Selayang, Selangor**
36. * **Hospital Kajang, Selangor**
37. * **Hospital Serdang, Selangor**
38. * **Hospital Ampang, Selangor**
39. * **Hospital Sungai Buloh, Selangor**

* Semua Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di fasiliti yang bertanda (*) diwajibkan untuk memohon penempatan baru di luar negeri Selangor atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur setelah tamat latihan, kecuali PPS di HUSM yang boleh memohon penempatan di negeri-negeri tersebut.

BUKU SKIM

PEMBANGUNAN KERJAYA

BAB 3

SYARAT PERKHIDMATAN

A. GAJI DAN EMOLUMEN

Pegawai Perubatan boleh dilantik atas mana-mana gred sama ada UD41, UD43, UD47, UD51 atau UD53 berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang dilantik oleh mereka. Pegawai Perubatan yang dilantik akan menerima gaji pokok sebulan mengikut gred seperti berikut:

	Gred	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
i.	UD41	2,458.39 (P1T6)	5,317.92
ii.	UD43	3,028.90 (P1T1)	5,547.49
iii.	UD47	4,431.54 (P1T1)	6,439.46
iv.	UD51	4,992.31 (P1T1)	7,033.63
v.	UD53	5,258.09 (P1T1)	7,466.41

B. ELAUN / IMBUHAN TETAP

Selain gaji pokok di atas, semua Pegawai Perubatan di atas gred UD41 akan menerima imbuhan bulanan seperti berikut:

- i. Bayaran Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM300
- ii. Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan RM250
- iii. Bayaran Imbuhan Perkhidmatan Kritikal RM750

Bagi Pegawai Perubatan gred UD43/44, UD47/48, UD51/52 dan UD53/54, akan menerima imbuhan bulanan seperti berikut:

- i. Elaun Keraian atas kadar RM400 hingga RM800
- ii. Elaun Imbuhan Tetap Perumahan antara RM400 – RM900
- iii. Bayaran Imbuhan Perkhidmatan Kritikal atas kadar RM750

PEMBANGUNAN KERJAYA

Pegawai Perubatan Gred JUSA / Khas C dan ke atas akan menerima imbuhan bulanan seperti berikut:

- i. Elaun Keraian antara RM2,500 hingga RM4,000.
- ii. Elaun Imbuhan Tetap Perumahan antara RM1300 hingga RM2,000
- iii. Bayaran Imbuhan Perkhidmatan Kritikal atas kadar RM750
- iv. Bayaran Jawatan Utama JUSA / Khas antara RM1000 hingga RM2,500.
- v. Bayaran Penyenggaraan Rumah pada kadar RM166.
- vi. Bayaran Pembantu Rumah pada kadar RM500.
- Vii. Sebuah kereta rasmi dan kemudahan petrol.
- viii. Insentif Khas antara RM400 hingga RM1,250.

C. IMBUHAN / INSENTIF KHAS

Pegawai Perubatan yang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam juga akan menerima insentif mengikut gred dan jawatan selain daripada yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Insentif yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i. Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa atas kadar antara RM50 hingga RM170 sekali *on call*.
- ii. Bayaran Insentif Wilayah* bagi Pegawai Perubatan di Sabah dan Sarawak atas kadar peratusan 12.5 hingga 25 peratus daripada gaji bulanan.
- iii. Bayaran Insentif Pedalaman bagi Pegawai Perubatan di Sabah dan Sarawak atas kadar 10 peratus daripada gaji bulanan.
- iv. Bayaran Klinik Selepas Waktu Pejabat atas kadar RM30 sejam**.
- v. *Locum* (Berkuatkasa mulai 1 Disember 2006)
- vi. Full Paying Patient (FPP)***.
- vii. Elaun Perudara (Sabah dan Sarawak) sebanyak RM30 sehari.

(Rujuk Lampiran 2 dan 2A bagi emolumen dan kategori Bayaran Insentif mengikut gred serta jumlah pendapatan kasar minimum yang diperoleh oleh pegawai.)

PEMBANGUNAN KERJAYA

D. KEMUDAHAN LAIN

Pegawai Perubatan layak untuk menerima pelbagai kemudahan selama berkhidmat dalam perkhidmatan awam seperti berikut:

- i. Kemudahan perubatan percuma untuk pegawai dan keluarga serta ibu bapa
- ii. Kuarters
- iii. Pinjaman perumahan @ 4% faedah (RM120,000-RM200,000)
- iv. Pinjaman komputer (Maksimum RM5,000)
- v. Pinjaman kereta @ 4% faedah (RM27,000 – RM200,000)
- vi. Skim berpencen atau KWSP
- vii. Peluang melanjutkan pelajaran
- viii. Elaun dalam perkhidmatan
 - a. Elaun kerana bertugas
 - b. Elaun, kemudahan dan bayaran semasa bertukar atau berpindah rumah dalam negeri
 - c. Elaun kerana berkursus
 - d. Elaun bertugas di seberang laut
- ix. Kelayakan cuti
 - a. Cuti tahunan 25 - 30 hari setahun
 - b. Cuti separuh gaji
 - c. Cuti tanpa gaji
 - d. Cuti mengerjakan haji selama 40 hari
 - e. Cuti bersalin maksimum selama 90 hari
 - f. Cuti sakit dan cuti sakit lanjutan
 - g. Cuti kerana berkursus
 - h. Cuti tanpa rekod (perayaan, gantian, menghadiri peperiksaan dll.)
- x. Keahlian dalam kelab rekreasi
- xi. Kemudahan Pengurusan Jenazah Anggota sejumlah RM1,000
- xii. Elaun, bayaran dan kemudahan kerana menghadiri perbicaraan kes di mahkamah
- xiii. Ex - gratia

* Tertakluk kepada pertimbangan KKM

** Sila rujuk Lampiran 2 para 8

*** KKM akan melaksanakan FPP dalam masa terdekat

PEMBANGUNAN KERJAYA

BAB 4

PELUANG KERJAYA DI KKM

A. JENIS PENGKHUSUSAN

Pegawai Perubatan di KKM berpeluang memajukan kerjayanya menjurus kepada 3 bidang utama iaitu:

i. **Pegawai Perubatan Pakar Klinikal dalam pelbagai disiplin**

Sebagai contoh kepakaran dalam perubatan keluarga, mata, radiologi, kardiologi, perubatan umum, bedah umum, ortopedik, perubatan sakit puan dan sebagainya. Pegawai Perubatan Pakar berkhidmat di hospital kecuali bagi Pakar Perubatan Keluarga, iaitu di klinik kesihatan serta Pakar Kesihatan Awam di Ibu Pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.

ii. **Pegawai Perubatan Pentadbir**

Pegawai Perubatan Pentadbir menjalankan tugas pentadbiran klinikal dan bertugas di Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.

iii. **Pegawai Perubatan Klinikal**

Pegawai Perubatan Klinikal merupakan Pegawai Perubatan yang tiada mempunyai kepakaran dan tugas utamanya adalah untuk merawat pesakit di klinik kesihatan dan hospital serta tidak menjalankan tugas pentadbiran.

PEMBANGUNAN KERJAYA

Carta pengkhususan kemajuan kerjaya Pegawai Perubatan adalah seperti berikut :



B. PELUANG MENGIKUTI LATIHAN

Selaras dengan dasar KKM yang menggalakkan 'learning organisation', peningkatan kualiti perkhidmatan dan kompetensi kakitangan dan pegawai kesihatan, Pegawai Perubatan berpeluang mengikuti:

- i. Latihan dan kursus jangka pendek sama ada di dalam atau luar negara;
- ii. Penempatan sementara (attachment) di institusi perubatan antarabangsa; dan
- iii. Persidangan dan sebagainya sama ada di dalam atau luar negara.

PEMBANGUNAN KERJAYA

Prosedur Permohonan

- i. Syarat asas untuk mengikuti Kursus Sarjana Kepakaran dan Sub-kepakaran tertakluk kepada:
 - a. Sah dalam perkhidmatan (1 hingga 3 tahun)
 - b. Prestasi yang memuaskan
- ii. Setelah menamatkan kepakaran asas dan latihan selama 6 bulan (universiti tempatan) atau 18 bulan (universiti luar negara) pegawai dikehendaki untuk memohon diwartakan sebagai seorang Pegawai Perubatan Pakar di KKM.
- iii. Tempoh ikatan / kontrak dengan Kerajaan bagi Kursus Sarjana Kepakaran adalah selama 7 tahun dan Sub-kepakaran adalah selama 2 tahun.

(Rujuk Lampiran 3 dan 3A untuk Program Sarjana Kepakaran dan Sub-kepakaran yang ditawarkan dan syarat kemasukan.)

(Rujuk Lampiran 4 bagi proses perwartaan.)

C. PELUANG KENAIKAN PANGKAT

Kerjaya Pegawai Perubatan di KKM menjanjikan peluang kerjaya yang baik. Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan dengan menyediakan pelan laluan kerjaya secara komprehensif dari gred lantikan hingga ke Gred 54 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Lampiran 5** untuk Laluan Kerjaya Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

PEMBANGUNAN KERJAYA

PENUTUP

Skim perkhidmatan Pegawai Perubatan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa dengan menilai secara berterusan insentif dan elaun sedia ada dan mewujudkan insentif serta elaun baru bagi menarik lebih ramai doktor untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kementerian telah membina pelbagai prasarana dan kemudahan kesihatan yang serba lengkap dengan teknologi perubatan terkini bagi memudahkan rakyat mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Oleh yang demikian, Kementerian memerlukan Pegawai Perubatan yang komited, cekap, berkemahiran tinggi dan sedia berkhidmat tanpa mengira masa atau tempat demi merealisasikan hasrat kerajaan yang ingin memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat adalah yang terbaik.

PEMBANGUNAN KERJAYA

LAMPIRAN 1

SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH BAGI PEGAWAI PERUBATAN (HOUSEMAN-SHIP)

i.	Perlis	Hospital Tuanku Fauziah
ii.	Kedah	Hospital Sultanah Bahiyah Hospital Sultan Abdul Halim
iii.	Pulau Pinang	Hospital Pulau Pinang Hospital Seberang Jaya
iv.	Perak	Hospital Ipoh Hospital Taiping Hospital Teluk Intan Hospital Sri Manjung
v.	Wilayah Persekutuan	Hospital Kuala Lumpur Hospital Putrajaya
vi.	Selangor	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Hospital Selayang Hospital Kajang
vii.	Negeri Sembilan	Hospital Tuanku Jaafar Hospital Tuanku Ampuan Najihah
viii.	Melaka	Hospital Melaka
ix.	Johor	Hospital Sultanah Aminah Hospital Batu Pahat Hospital Sultanah Fatimah, Muar

PEMBANGUNAN KERJAYA

x.	Pahang	Hospital Tengku Ampuan Afzan Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh
xi.	Terengganu	Hospital Sultanah Nur Zahirah
xii.	Kelantan	Hospital Raja Perempuan Zainab II
xiii.	Sarawak	Hospital Umum Sarawak Hospital Sibu
xiv.	Sabah	Hospital Queen Elizabeth Hospital Tawau
xv.	Pusat Pengajian Tinggi	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia Hospital Universiti Sains Malaysia Pusat Perubatan Universiti Malaya

PEMBANGUNAN KERJAYA

LAMPIRAN 2

BAYARAN INSENTIF DAN KEMUDAHAN LAIN

1. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Perubatan dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal seperti berikut:

- a) RM750.00 sebulan di Semenanjung; dan
- b) RM500.00 sebulan atau 10% daripada gaji pokok mengikut mana yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak.

Sumber: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2008

2. Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam

Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pegawai Penyelidik, Pengajar (Jururawat) dan Jurutera dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sebanyak 5% daripada gaji pokok.

Gred	Kadar Sebulan (RM)
JUSA / Khas	2,480
UD53/54	2,240
UD51/52	2,000
UD47/48	1,760
UD45	1,600
UD43/44	1,520
UD41	1,280

Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 2009 berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2009

PEMBANGUNAN KERJAYA

3. Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital

Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1994. Insentif ini dibayar kepada Pegawai Perubatan yang mempunyai kelayakan ijazah lanjutan ‘Masters In Hospital Administration’ dan menjalankan kerja pentadbiran hospital.

Gred	Kadar Sebulan (RM)
JUSA / Khas	2,480
UD53/54	2,240
UD51/52	2,000
UD47/48	1,760
UD43/44	1,520
UD41	1,280

Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 2009 berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2009

4. Bayaran Insentif Pakar

Bayaran Insentif Pakar dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Tahun 1990. Insentif ini dibayar kepada Pegawai Perubatan yang mempunyai kelayakan ijazah lanjutan dalam bidang kepakaran klinikal yang diiktiraf dan telah diwartakan sebagai pakar.

Gred	Kadar Sebulan (RM)
JUSA / Khas	3,100
UD53/54	2,800
UD51/52	2,500
UD47/48	2,200
UD45	2,000
UD43/44	1,900
UD41	1,600

Sumber: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2008 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009

PEMBANGUNAN KERJAYA

5. Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa

Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa dibayar kepada Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa mengikut kadar berikut:

Kadar Semasa	(RM/ semalam)
Tugasan Atas Panggilan Aktif	
Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam sehari secara berterusan pada:	
a) Hari bekerja penuh b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	150.00 170.00
Tugasan Atas Panggilan Pasif	
Pegawai Perubatan yang diarah bersedia di rumah dan dipanggil bertugas selama melebihi 4 jam pada:	
a) Hari bekerja penuh b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	90.00 100.00
Pegawai Perubatan yang diarah bersedia di rumah dan dipanggil berugas selama kurang daripada 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada:	
a) Hari bekerja penuh b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	50.00 55.00
Pegawai Latihan Siswazah yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan pada:	
a) Hari bekerja penuh b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	100.00 110.00

Sumber: JPA(S)215/8/2-4/Klt.4(23) bertarikh 2 Disember 2005 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2005

PEMBANGUNAN KERJAYA

6. Bayaran Insentif Wilayah

Bayaran Insentif Wilayah dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007, iaitu bagi pegawai yang bertugas di wilayah baru yang berlainan daripada wilayah di mana pegawai berasal.

Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuhan)	Peratusan daripada Gaji yang diterima
RM 5,565.61 dan ke atas	7.5
RM 3,566.05 – RM5,565.60	15
RM 1,783.84 – RM3,566.04	17.5

Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2007 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2007
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987

7. Elaun Perumahan Wilayah

Pegawai juga layak dibayar Elaun Perumahan Wilayah jika diarahkan bertugas di wilayah yang berlainan daripada wilayah ini di mana pegawai berasal. Pegawai yang menerima elaun ini tidak dibayar Elaun Perumahan dan kadarnya (mengikut lokasi penempatan) adalah seperti berikut:-

Kedudukan Pegawai	Layak		Tidak Layak		Boleh memilih BPW atau ITP
	EPW	ITP	EPW	ITP	
Pegawai yang menerima EPW				✓	
Pegawai tidak menduduki Rumah Kerajaan					✓
Pegawai Menduduki Rumah Kerajaan			✓	✓	
Pegawai menduduki Rumah Kerajaan yang diperuntukan kepada suami atau isteri		✓	✓		
Pegawai suami dan isteri yang bertukar wilayah dan tidak menduduki Rumah Kerajaan		✓*			✓*

Nota (*): Hanya seorang sahaja layak EPW. Jika suami memilih EPW, isteri hanya layak ITP

PEMBANGUNAN KERJAYA

Kedudukan Pegawai	Layak		Tidak Layak		Boleh memilih BPW atau ITP
	EPW	ITP	EPW	ITP	
Pegawai yang bercuti tanpa gaji			✓	✓	
Pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan		✓	✓		
Pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan dan disediakan Rumah Khas Jabatan atau Rumah Khas Jawatan			✓	✓	
Pegawai yang menghadiri kursus melebihi 3 bulan		#	✓		

Nota (#): Dalam tempoh cuti belajar, pegawai dibayar ITP dan EPW dihentikan

Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2001 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002

8. Bayaran Insentif Pedalaman

Pekeliling Perkhidmatan Bil 9/1991 (Lampiran D6, M/S 1337)

Bayaran Insentif Pedalaman dengan kadar 10% daripada gaji bulanan yang diperuntukkan dalam perenggan 3.3 Lampiran 'C', PP Bil 9 Tahun 1980, adalah dikekalkan dengan pindaan, iaitu diberi kepada anggota yang berkhidmat di kawasan terpencil dengan memenuhi dua daripada syarat berikut:-

- a) Kesukaran perhubungan pengangkutan:
 - i. Tiada kemudahan alat perhubungan seperti telefon dan 'wireless';
 - ii. terpaksa berjalan kaki atau menggunakan pelbagai kaedah
 - iii. pengangkutan untuk dihubungi seperti kendaraan bermotor dan perahu;
 - iv. tiada kemudahan pengangkutan biasa; dan
 - v. mengambil masa perjalanan yang panjang.

PEMBANGUNAN KERJAYA

- b) Kemudahan asas yang kurang sempurna, iaitu
- i. bekalan air bersih;
 - ii. rumah kediaman yang sesuai (rumah papan yang mempunyai ruang dapur/tamu/bilik tidur);
 - iii. elektrik (sekurang-kurangnya 12 jam sehari);
 - iv. pusat bekalan (provisions centres);
 - v. klinik desa; dan
 - vi. sekolah rendah.
- c) tidak mempunyai kemudahan sosial:
- i. masjid;
 - ii. dewan orang ramai; dan
 - iii. tempat riadah.

Senarai kawasan pedalaman seperti Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2000 Sabah dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2000 bagi Sarawak.

9. Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat (Jabatan Kecemasan Hospital)

Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat dibayar kepada Pegawai Perubatan yang bertugas di Jabatan Kecemasan di hospital Kerajaan yang disenaraikan di Lampiran 1 dengan kadar RM30.00 sejam berkuatkuasa mulai 1 September 2002, tertakluk kepada jadual bertugas seperti berikut:

Hari Bekerja Biasa

- 4.00 petang – 8.00 malam (Syif 1)
8.00 malam – 12.00 malam (Syif 2)

PEMBANGUNAN KERJAYA

Hari Kelepasan Am dan Hari Rehat Sabtu

9.00 pagi – 1.00 tengah hari (Syif 1)
1.00 tengahhari – 2.00 petang (Rehat)
2.00 petang – 6.00 petang (Syif 2)
6.00 petang – 10.00 malam (Syif 3)

10. Bayaran Menyediakan Laporan Perubatan

- | | |
|----------------------------|-----------------|
| i. Laporan ringkas | RM40 |
| ii. Laporan ringkas pakar | RM80 |
| iii. Laporan lengkap pakar | RM200 – RM1,000 |

PEMBANGUNAN KERJAYA

LAMPIRAN 2A

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERUBATAN / PAKAR

Emolumen	UD41*	UD43/44	UD47/48	UD51/52	UD53/54
Gaji (minimum)	2,458.39	3,028.90	4,431.54	4,992.31	5,258.09
Elaun Khidmat Awam	300				
Imbuhan Tetap Keraian		400	550	600	800
Elaun Perumahan	250	400	700	700	900
Elaun Kritikal	750	750	750	750	750
Elaun Pakar*	1,600	1,900	2,200	2,500	2,800
JUMLAH	5,508.39	6,328.90	8,631.54	9,542.31	10,508.09

* Untuk pegawai UD41 yang telah diwartakan sebagai pakar sahaja

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERUBATAN (Kelulusan Sarjana / Diploma Kesihatan Awam)

Emolumen	UD41*	UD43/44	UD47/48	UD51/52	UD53/54
Gaji (minimum)	2,458.39	3,028.90	4,431.54	4,992.31	5,258.09
Elaun Khidmat Awam	300				
Imbuhan Tetap Keraian		400	550	600	800
Elaun Perumahan	250	400	700	700	900
Elaun Kritikal	750	750	750	750	750
Elaun Kesihatan Awam	1,280	1,520	1,760	2,000	2,240
JUMLAH	5,188.39	5,948.90	8,191.54	9,042.31	9,948.09

PEMBANGUNAN KERJAYA

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERUBATAN **(Kelulusan Sarjana / Diploma Pentadbiran Hospital)**

Emolumen	UD41*	UD43/44	UD47/48	UD51/52	UD53/54
Gaji (minimum)	2,458.39	3,028.90	4,431.54	4,992.31	5,258.09
Elaun Khidmat Awam	300				
Imbuhan Tetap Keraian		400	550	600	800
Elaun Perumahan	250	400	700	700	900
Elaun Kritikal	750	750	750	750	750
Elaun Pakar*	1,280	1,520	1,760	2,000	2,240
JUMLAH	5,188.39	5,948.90	8,191.54	9,042.31	9,948.09

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERUBATAN **GRED 'KHAS' C,B & A**

Emolumen	C	B	A
Gaji (minimum)	6,595.99	7,145.00	7,766.66
Imbuhan Tetap Keraian	2,500	3,050	4,000
Elaun Perumahan	1,300	1,600	2,000
Elaun Pakar*	3,100	3,100	3,100
Imbuhan Tetap JUSA	1,000	1,500	2,500
Elaun Jawatan Khas	500	750	1,250
Elaun Penyelenggaraan Rumah	166.67	166.67	166.67
Bantuan Pembantu Rumah	500	500	500
JUMLAH	15,662.66	17,811.67	21,283.33

PEMBANGUNAN KERJAYA

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERUBATAN GRED JUSA C, B & A

Emolumen	C	B	A
Gaji (minimum)	6,595.99	7,145.00	7,766.66
Imbuhan Tetap Keraian	2,500	3,050	4,000
Elaun Perumahan	1,300	1,600	2,000
Elaun Pakar*	3,100	3,100	3,100
Imbuhan Tetap JUSA	1,000	1,500	2,500
Elaun Jawatan Khas	500	750	1,250
Elaun Pentadbiran Hospital	2,480	2,480	2,480
Elaun Penyelenggaraan Rumah	166.67	166.67	166.67
Bantuan Pembantu Rumah	500	500	500
JUMLAH	18,142.66	20,291.67	23,763.33

PEMBANGUNAN KERJAYA

LAMPIRAN 3

PERMOHONAN MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN SARJANA PERUBATAN

Permohonan dipelawa daripada calon KKM yang berjawatan tetap untuk mengikuti Program Pengajian Sarjana Perubatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam bidang pengkhususan berikut:

IPTA	BIDANG PENGKHUSUSAN
UNIVERSITI MALAYA	O&G, Anestesiologi, Pediatrik, Perubatan Umum, Perubatan Psikologi, Radiologi, Pembedahan, Oftalmologi, Ortopedik, Otorinolaringologi, Patologi, Perubatan Keluarga, Kesihatan Awam, Perubatan Sukan, Perubatan Rehabilitasi
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	O&G, Anestesiologi, Pediatrik, Perubatan Umum, Psikiatri, Radiologi, Pembedahan, Oftalmologi, Ortopedik, Otorinolaringologi, Patologi, Perubatan Keluarga, Perubatan Komuniti, Perubatan Kecemasan, Surgeri Plastik, Pembedahan Neuro
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	O&G, Anesteiologi, Pediatrik, Perubatan Umum, Psikiatri, Radiologi, Pembedahan, Oftalmologi, Ortopedik, Otorinolaringologi, Patologi, Perubatan Keluarga, Perubatan Komuniti
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	Kesihatan Awam


PEMBANGUNAN KERJAYA

KELAYAKAN MASUK


1. M.B.B.S, M.B.Ch.B, M.D atau yang setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
2. Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC);
3. Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas pendaftaran penuh;
4. Telah disahkan dalam jawatan pada tarikh atau sebelum tarikh tutup iklan;
5. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan di negara ini tidak kurang dari tiga (3) tahun pada tarikh atau sebelum tarikh tutup iklan;
6. Bagi pegawai perubatan yang telah menjalani H.O di luar negara hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya dua (2) tahun selepas pendaftaran dengan MMC pada atau sebelum tarikh tutup iklan;
7. Berumur tidak melebihi 46 tahun pada tarikh pendaftaran;
8. Tidak pernah gagal kursus, menarik diri atau menolak tawaran kursus Sarjana Perubatan;
9. Mempunyai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan Bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut tidak kurang daripada 85%; dan
10. Bebas daripada tindakan tatatertib.

PEMBANGUNAN KERJAYA


CARTA ALIRAN PROSES PEMILIHAN CALON SARJANA PERUBATAN DI IPTA SESI 2006-2007



PEMBANGUNAN KERJAYA



PEMBANGUNAN KERJAYA



Catatan:

- ▲ : KKM berhak menentukan penempatan latihan bagi calon sistem terbuka
- Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan

PEMBANGUNAN KERJAYA

APLIKASI DALAM TALIAN

1. Bermula pada awal bulan Oktober setiap tahun.
2. Wajib memohon melalui aplikasi dalam talian <http://www.mohe.gov.my> atau <http://emoe.gov.my>
3. Pemohon yang mempunyai MyKad sahaja boleh memohon.
4. Pemohon dikehendaki membayar wang proses RM25.00 untuk mendapatkan Nombor Unik ID dengan mengkreditkan terus ke Akaun UPU-14100-29-83030691-5 di mana-mana kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan bayaran tambahan RM0.60 sebagai bayaran perkhidmatan bank. Resit akan dikeluarkan oleh pihak BSN bersama dengan Nombor Unik ID. Pembayaran hendaklah dibuat atas Nama dan KP Pemohon.
5. Jika terdapat sebarang masalah atau pertanyaan mengenai aplikasi dalam talian, sila menghubungi JPT di talian: 03-88835801 atau emel: upu@mohe.gov.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

Akhir OKTOBER setiap tahun

Sebarang kelewatan, permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat kelayakan masuk tidak akan dipertimbangkan.

PEMBANGUNAN KERJAYA

LAMPIRAN 3A

BIDANG SUB-KEPAKARAN YANG DITAWARKAN DAN DIKTIRAF

Bil	Bidang	Sub Kepakaran
1	Perubatan Umum	Neurologi, Nefrologi, Kardiologi, Perubatan Respiratori, Hematologi, Gastroenterologi, Dermatologi, Hepatologi, Reumatologi, Endokrinologi, Geriatrik, Penyakit Berjangkit
2	Pediatrik	Kardiologi, Dermatologi, Hematologi & Onkologi, Respiratori, Gastroenterologi, Neonatologi, Nefrologi, Neurologi, Adolescent Medicine, Clinical Genetics, Pediatrik Komuniti, Penyakit Berjangkit, Hepatologi
3	Pembedahan	Bedah Plastik, Bedah Pediatrik, Bedah Kardiotorasik, Bedah Urologi, Neurosurgeri, Pembedahan Kololektal, Pembedahan Hepatobiliari, Pembedahan Mikro & Tangan, Pembedahan Vaskular
4	Ortopedik	Ortopedik Pediatrik, Joint Arthroplasty, Ortopedik Sukan, Spine Orthopedic, Oncology Orthopedic
5	O&G	Gynae-Oncology, Perubatan Reproduktif, Maternal Foetal Medicine, Uro-Gynaecology
6	THT	Otologi / Skull Base, Pembedahan Kepala & Leher, THT Pediatrik

PEMBANGUNAN KERJAYA

7	Oftalmologi	<i>Cornea, Glaucoma, Vitreo-Retinal Surgery, Oftalmologi Pediatrik, Pembedahan Oculoplasty</i>
8	Bius / Anestesia	<i>Cardiac Anaesthesia, Anestasia Pediatrik, Intensive Care, Neuroanaesthesia dan Trauma, Pain Management</i>
9	Psikologi	<i>Child Psychiatry, Liason Psychiatry, Neuro Psychiatry, Community Psychiatry, Forensic Psychiatry</i>
10	Radioterapi	
11	Radiologi	Radiologi Intervensional, Radiologi Pediatrik, Radiologi Muskuloskeletal
12	Patologi	Hispatologi, Patologi Kimia, Hematologi, Mikrobiologi
13	Forensik	Geriatrik Komuniti, Psikiatri Komuniti & Rehabilitasi
14	Perubatan Keluarga	Geriatrik Komuniti, Psikiatri Komuniti & Rehabilitasi
13	Pengurusan Kesihatan	Ekonomi Komuniti, Analisis Polisi Kesihatan & Pembangunan, <i>Medico Legal</i> , Perancangan Kesihatan, Epidemiologi Klinikal

PEMBANGUNAN KERJAYA

Carta Aliran Permohonan Program Sub-Kepakaran



PEMBANGUNAN KERJAYA



PEMBANGUNAN KERJAYA

Catatan:

- Calon WAJIB mengikuti Kursus BTN sebelum ke luar negara.
- Calon TIDAK BOLEH ke luar negara sebelum mendapat kelulusan JPA dan KKM (BPL).
- CTG TIDAK BOLEH digunakan untuk program ini.
- Permohonan untuk ke luar negara hendaklah dipohon sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh memulakan latihan di luar negara.
- Hanya calon yang disenaraikan sahaja yang layak mendapat CBBP dengan HLP atau CBBP tanpa HLP sesuai dengan jumlah slot dan pertimbangan KKM.


Nota:

- | | |
|---------|------------------------------------|
| 1. CTG | - Cuti Tanpa Gaji |
| 2. BPL | - Bahagian Pengurusan Latihan, KKM |
| 3. CBBP | - Cuti Belajar Bergaji Penuh |
| 4. HLP | - Hadiah Latihan Persekutuan |
| 5. BTN | - Biro Tatanegara |

PEMBANGUNAN KERJAYA

LAMPIRAN 4

GAMBAR RAJAH TEMPOH PRA-WARTA



Di Kementerian Kesihatan Malaysia, Ketua Pengarah Kesihatan mempunyai kuasa untuk melantik seseorang pegawai perubatan sebagai pakar, jika memiliki kriteria yang berikut:

- i. Memiliki lulusan sarjana, MRCP/MRCOG/MRCPH atau yang setara dengannya;
- ii. Telah melalui tempoh pra-warta minimum selama enam (6) bulan; dengan jayanya; dan
- iii. Boleh berfungsi sebagai pakar secara berdikari.

Setelah pegawai diwartakan sebagai pakar, tarikh mula dibayar Elaun Pakar akan dikebelakangkan enam (6) bulan dari tarikh warta bagi kelulusan Sarjana dan MRCP/MRCOG/MRCPH.

Jika dilanjutkan tempoh pra-warta, pembayaran elaun pakar tetap dikebelakangkan enam (6) bulan dari tarikh warta.

PEMBANGUNAN KERJAYA

LAMPIRAN 5

JADUAL LALUAN KERJAYA BAGI PEGAWAI PERUBATAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN	CATATAN
	PERUBATAN	
41 - 44	2 tahun di Gred 41	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN	CATATAN
	PAKAR	
44 - 48	3 tahun di Gred 44 atau tarikh warta pakar, mana yang terdahulu	3 tahun di Gred 44
48 - 52	2 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal dan tertakluk kepada perkuhan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	4 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal
52 - 54	2 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal dan tertakluk kepada perkuhan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	3 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal
Gred 54 ke Utama/ Khas 'C' dan ke atas	Berdasarkan kepada perkuhan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	Tertakluk kepada kekosongan
Tempoh Keseluruhan Untuk Berada di Gred 5 daripada Tarikh Lantikan	9 tahun	12 tahun